

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Penetapan Caj Permohonan Rayuan Tolak Perakuan Akreditasi
Sementara/Akreditasi Penuh/Pusat Penilaian APEL (PPA) atau Batal
Perakuan Akreditasi Sementara/Akreditasi Penuh/Status
Swaakreditasi/PPA**

[Surat Makluman MQA Bil. 6/2026 bertarikh 16 Februari 2026]

Ringkasan ketetapan

- i. Bermula September 2023, MQA telah dipertanggungjawab dalam pengurusan permohonan rayuan dan pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Rayuan Akreditasi Pendidikan Tinggi (JKPRAPT). JKPRAPT berperanan untuk mendengar dan menimbang rayuan daripada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang terkilan atau tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh MQA yang melibatkan:
 - Penolakan perakuan Akreditasi Sementara;
 - Penolakan perakuan Akreditasi Penuh;
 - Penolakan perakuan Pusat Penilaian APEL (PPA); dan
 - Pembatalan atau penggantungan Perakuan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh, Swaakreditasi atau PPA yang telah diberikan.
- ii. Berdasarkan Seksyen 82 (1) Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] berhubung rayuan keputusan di bawah Bahagian VII (Akreditasi Sementara) atau Bahagian VIII (Akreditasi Penuh), PPT boleh merayu secara bertulis kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keengganan atau pembatalan itu diserahkan kepada PPT yang terkilan dengan keputusan MQA pada Perkara (i).
- iii. Bagi tujuan permohonan rayuan kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi, bayaran caj sebanyak RM2,000.00 akan dikenakan oleh MQA mulai 18 Mei 2026. Sehubungan itu, PPT diminta mengemukakan permohonan rayuan secara bertulis kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi seperti carta alir di Lampiran A dan Borang Permohonan Rayuan beserta bayaran caj seperti di Lampiran B.
- iv. Surat makluman ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- v. UPM diminta mengambil maklum proses dan kadar bayaran bagi permohonan rayuan penolakan atau pembatalan akreditasi yang terkini dengan merujuk kepada ketetapan MQA ini.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
26 Mac 2026